

3.1 juta perokok berisiko tinggi hidap kanser

U.M 02/07/07 MS 2
KUALA LUMPUR 2 Julai – Kajian terkini Kementerian Kesihatan menunjukkan terdapat kira-kira 3.1 juta perokok di negara ini berisiko tinggi mendapat penyakit kanser, kata Setiausaha Parlimennya, Datuk Lee Kah Choon.

Menurut beliau, kementerian sedih kerana daripada jumlah tersebut, sebanyak 774,000 atau 24 peratus perokok mula menghisap rokok sejak di bangku sekolah rendah.

Tambahnya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) turut melaporkan bahawa tembakau adalah penyebab kedua kematian di dunia ketika ini.

Kata beliau, dijangkakan kira-kira 650 juta orang iaitu kira-kira separuh daripada perokok seluruh dunia hari ini akhirnya akan mati akibat tabiat itu.

“Amat menyedihkan apabila beribu-ribu orang yang tidak merokok turut menemui

maut setiap tahun akibat terhidu asap rokok yang kemudian mewujudkan pelbagai penyakit,” katanya ketika ditemui di lobi Parlimen, hari ini.

Sehubungan itu, Kah Choon berkata, kementerian telah mewujudkan sebanyak 303 klinik di seluruh negara bagi memberi kaunseling kepada perokok supaya mereka dapat berhenti merokok.

Tambahnya, pada 16 Jun lalu, kemente-

rian telah melancarkan Program Jom-Tak Nak Merokok di peringkat kebangsaan bagi mewujudkan masyarakat dan persekitaran bebas merokok.

“Program ini memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya merokok di samping menggalakkan perokok berhenti merokok.

“Program ini menggalakkan remaja supaya tidak memulakan tabiat merokok,” katanya.